

11/07/2003

Pasaran bon Asia bakal diurus niaga dalam yen

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pasaran bon Asia yang sedang diusahakan secara bersama oleh negara serantau, mungkin akan diurus niaga

dalam mata wang Yen Jepun.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Menteri Kewangan Jepun Masajuru Shiokawa memaklumkan kepadanya bahawa urus niaga bon itu mungkin boleh disebut harga dalam mata wang seperti yen.

"Dalam pertemuan saya dengannya tadi, dia menyatakan bahawa mungkin kita akan cuba menggunakan mata wang negara Asia yang paling kuat iaitu Yen," katanya kepada pemberita Malaysia.

Abdullah yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Jepun, berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Shiokawa ke hotel penginapannya di Tokyo, semalam.

Sebelum itu, Abdullah mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan turut menerima kunjungan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Takeo Hiranuma.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mencetuskan cadangan membentuk pasaran bon Asia dan dipersetujui dalam Mesyuarat Asean+3 (Jepun, Korea dan China) di Thailand.

Cadangan itu turut mendapat sokongan negara Kesatuan Eropah yang mahukan pilihan kepada pasaran hutang antarabangsa yang dikuasai Amerika Syarikat.

Ia bertujuan memberikan kemudahan pinjaman pembangunan kepada negara Asia Timur tanpa terdedah kepada risiko manipulasi pelabur barat.

Bagaimanapun, cadangan itu menerima tentangan hebat Amerika dan kuasa besar itu dikatakan sedang melobi Jepun, Korea dan China supaya tidak menyokong pembentukan pasaran bon berkenaan.

Pada mesyuarat Menteri Kewangan Asia-Eropah di Bali, Jepun menyatakan persetujuan untuk membangunkan instrumen pasaran seperti infrastruktur jual beli dan sistem penarafan.

Abdullah berkata, Jepun melahirkan harapan supaya pasaran bon Asia itu dapat dilancarkan segera memandangkan sebuah pasaran yang sempurna tidak perlu bagi membolehkan urus niaga bermula.

"Kita perlu buat keputusan atas perkara yang membolehkan pasaran bon itu dimulakan. Kemudian kita perbaiki dari masa ke semasa," katanya.

Beliau berkata, perkara lain yang perlu diberi perhatian dalam pasaran bon termasuk saiz dan mata wang yang digunakan.

Ini, katanya, akan ditentukan dalam mesyuarat Asean+3 di Manila awal bulan depan.

(END)